

# 1

## KONSEP-KONSEP ASAS HUBUNGAN ETNIK

HAMIDAH ABDUL RAHMAN (P)

NORLIN AHMAD

SHAH ROLLAH ABDUL WAHAB

### PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan beberapa konsep sosiologi yang sering digunakan dalam aspek hubungan etnik khususnya dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Konsep-konsep ini dibincangkan supaya dapat memberi kefahaman tentang *terminologi* sosiologi yang digunakan dan dapat memudahkan seseorang memahami fenomena hubungan etnik di negara ini.

Sosiologi ialah satu cabang ilmu pengetahuan dalam bidang sains sosial yang melihat dan memahami proses interaksi antara manusia yang melibatkan proses pembentukan kumpulan dan perhubungan yang wujud dalam sesebuah kelompok manusia. Persoalan utama dalam bidang sosiologi ialah tentang peranan dan struktur masyarakat dalam menjalani kehidupan mereka. Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri dari masyarakat berbilang etnik semestinya sentiasa berusaha melaksanakan kehidupan yang harmoni untuk mewujudkan perpaduan sejati. Untuk itu, satu kefahaman yang mendalam tentang hubungan etnik yang wujud harus dibina di kalangan masyarakat, terutamanya golongan remaja. Bab ini akan menjelaskan beberapa konsep penting yang mempunyai kaitan rapat dalam membicarakan aspek hubungan etnik di Malaysia.

## MASYARAKAT

### a. Definisi Masyarakat

Masyarakat ialah satu konsep yang paling penting dalam memahami hubungan etnik. Terdapat pelbagai pendapat yang diberikan dalam mendefinisikan konsep masyarakat. Ralph Linton (1936) melihat masyarakat sebagai “kelompok manusia yang telah cukup lama hidup bersama dan saling bekerjasama sehingga dapat mengorganisasikan diri dan meletakkan diri mereka sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu”. Lucy Mair (1965) pula menyatakan “masyarakat adalah satu gagasan yang terdiri daripada manusia yang saling berhubungan secara kolektif dengan mempunyai hak dan tanggungjawab yang saling mengiktiraf”. Menurut definisi Kamus Dewan (2005), masyarakat ialah kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan peraturan dan cara tertentu. Secara umumnya masyarakat boleh didefinisikan sebagai sekumpulan manusia hidup bersama, saling berhubungan dan bekerjasama, mempunyai kesatuan sosial, serta sentiasa membina kebudayaan.

Secara umum, masyarakat mengalami proses evolusi dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Bermula dengan masyarakat primitif, masyarakat berubah kepada masyarakat menternak, masyarakat holtikultur dan tani. Keempat-empat tahap ini dikenali sebagai masyarakat tradisional. Masyarakat terus berkembang daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat moden seperti masyarakat industri, masyarakat pascaindustri dan masyarakat sains dan teknologi. Perkembangannya adalah berbentuk sehalu dan berterusan.

### b. Ciri-ciri masyarakat

Terdapat tujuh ciri-ciri masyarakat:

1. Masyarakat terdiri daripada manusia yang hidup dalam satu kumpulan.

Oleh itu keluarga adalah unit asas masyarakat kerana ia terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak. Gabungan keluarga-keluarga menghasilkan satu kumpulan manusia yang lebih besar yang dikenali sebagai masyarakat. Sekiranya individu tinggal berseorangan walaupun dengan menjalani cara hidup yang moden, ia tidak dikenali sebagai masyarakat kerana tiada hubungan timbal balik, tiada kerjasama, tiada interaksi dan tidak memainkan peranan sebagai anggota masyarakat. Terdapat beberapa prasyarat untuk membina satu kelompok masyarakat yang kukuh, antaranya ialah:-

- i. Setiap individu menyedari bahawa dia adalah sebahagian daripada anggota masyarakat tersebut.
- ii. Wujud hubungan timbal balik dalam kelompok.
- iii. Terdapat faktor milik bersama seperti sekeluarga, kebangsa, senegara dan seideologi.
- iv. Peranan yang dimainkan anggota kelompok untuk mengendalikan kelompok mereka agar dinamik dan berkembang.

## 2. Masyarakat melahirkan kebudayaan

Apabila manusia hidup di dalam sesuatu kelompok, mereka akan lebih kreatif dan inovatif. Untuk memenuhi keperluan hidup seharian mereka telah menghasilkan kebudayaan sama ada berbentuk material ataupun bukan material. Walau bagaimanapun kebudayaan yang dilahirkan itu berbeza di antara masyarakat bergantung kepada keperluan masyarakat itu sendiri.

## 3. Masyarakat berubah

Masyarakat sentiasa mengalami perubahan merangkumi segala aspek kehidupan seperti bilangan ahli, sistem ekonomi, politik dan sosial. Perubahan boleh berlaku secara sedar atau tidak sedar dan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh faktor luaran seperti proses migrasi, pertembungan budaya dan penjajahan. Selain itu, faktor dalaman masyarakat seperti penambahan bilangan penduduk

dan penerimaan sistem ekonomi sara diri kepada ekonomi komersial juga menyumbang kepada perubahan sesebuah masyarakat.

#### 4. Masyarakat saling berhubungan

Masyarakat sentiasa berhubungan antara satu sama lain sama ada sesama kelompok atau berlainan kelompok. Hubungan boleh berlaku secara formal dan tidak formal. Hubungan secara formal sering kali berlaku dalam bentuk dua hala atau bersemuka, seperti hubungan antara individu dalam masyarakat atau dalam urusan pentadbiran, guru dengan murid atau pensyarah dengan pelajar di dalam kelas. Sementara hubungan tidak formal adalah seperti interaksi antara ahli dalam sesebuah keluarga, hubungan sesama jiran tetangga, dan seterusnya hubungan antara masyarakat pelbagai kaum dalam konteks yang lebih luas.


#### 5. Masyarakat mempunyai kepimpinan

Dalam masyarakat wujud kepimpinan. Setiap individu dilahirkan sebagai pemimpin. Mereka boleh berperanan sebagai pemimpin di kalangan keluarga, sebagai ketua kampung, ketua komuniti, ketua daerah, ketua negeri dan ketua negara. Dalam masyarakat tradisional, pemimpin dipilih secara keturunan atau diwarisi, namun begitu di dalam masyarakat moden pemimpin dipilih berdasarkan pencapaian, kewibawaan serta karisma mereka. Tanggungjawab pemimpin adalah untuk mengurus masyarakat yang dipimpin. Kebijaksanaan pemimpin menentukan kedinamikan dan kemajuan sesebuah masyarakat.


#### 6. Stratifikasi sosial

Stratifikasi sosial atau susun lapis masyarakat tidak dapat dielakkan daripada wujud dalam sebuah masyarakat kerana anggota masyarakat mempunyai perbezaan dari segi keupayaan masing-masing. Stratifikasi sosial dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama, kelas yang berdasarkan pemilikan harta atau kekayaan, kedua, status ditentukan oleh peranan individu dalam masyarakatnya dan ketiga,

kasta yang keahliannya hanya ditentukan melalui kelahiran. Dalam masyarakat Melayu tradisional, stratifikasi sosial dibahagikan kepada golongan pemerintah (golongan diraja dan bangsawan) dan golongan yang diperintah (rakyat dan hamba). Dalam masyarakat moden pula, kelas sosial terdiri daripada golongan atasan, golongan pertengahan dan golongan bawahan. (lihat rajah 1 dan 2).



Rajah 1: Stratifikasi sosial berbentuk kasta



Rajah 2: Stratifikasi sosial masyarakat Melayu tradisional

## 7. Sistem sosial

Menurut Norazit (1989), sistem sosial adalah suatu susunan bahagian yang saling berkaitan dan saling memerlukan untuk membentuk satu kesatuan. Sistem ini merupakan satu model konseptual untuk menganalisis sesuatu fenomena yang agak kompleks dan merupakan sebahagian daripada struktur sosial yang lebih meluas lagi. Contoh sistem sosial ialah sistem kekeluargaan, sistem ekonomi, undang-undang dan lain-lain lagi. Kesemua sistem ini saling berkait di antara satu sama lain dan mempunyai fungsi masing-masing. Dengan kata lain, jika satu bahagian sistem sosial berubah ia akan mempengaruhi bahagian yang lain.

## **KEBUDAYAAN**

### **a. Konsep Kebudayaan**

Budaya seringkali ditafsirkan dalam pengertian yang sempit. Masyarakat menganggap kebudayaan hanyalah merujuk kepada tarian, permainan tradisional dan majlis-majlis kesenian. Sebenarnya pengertian kebudayaan itu adalah sesuatu yang lebih luas yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam, teknologi dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang dikongsi oleh ahli sesebuah masyarakat (Edward B. Taylor, 1871).

A.L. Kroeber dan Clyde Kluckhohn (1952) pula mentakrif kebudayaan sebagai pola tingkah laku dan idea yang bersifat implisit dan eksplisit. Implisit ialah pola tingkah laku yang tidak dapat dilihat dengan nyata dan jelas serta memerlukan tafsiran lanjut untuk memahaminya seperti ideologi, adat resam dan lain-lain. Eksplisit pula ialah perlakuan yang boleh dilihat secara langsung seperti cara makan dan cara berpakaian.

Kebudayaan adalah semua hasil ciptaan manusia yang terdiri daripada budaya material dan bukan material. Budaya material adalah

budaya yang boleh dilihat, disentuh, dirasa dan mempunyai bentuk fizikal seperti komputer, telefon bimbit dan lain-lain lagi. Manakala budaya bukan material merupakan budaya yang terhasil dalam bentuk abstrak seperti teori, ideologi, formula dan falsafah.

**b. Ciri-ciri budaya:**

1. Dipelajari

Budaya tidak akan lahir secara semula jadi malah ia perlu dipelajari. Mempelajari budaya melibatkan beberapa proses seperti difusi, akulturasi, adaptasi, asimilasi dan integrasi. Pembelajaran budaya juga berlaku dalam keadaan disedari atau tidak disedari, secara langsung atau tidak langsung serta formal dan tidak formal. Terdapat beberapa unit yang bertindak sebagai agen pembelajaran budaya seperti keluarga, jiran, institusi dan persekitaran. Proses pembelajaran budaya juga boleh dikenali sebagai proses sosialisasi.

2. Dikongsi

Unsur-unsur budaya dalam sesebuah masyarakat adalah dikongsi oleh anggotanya. Ini bermaksud setiap perlakuan yang diamalkan harus dilakukan, disokong, diiktiraf dan dirasai sebagai milik bersama oleh semua anggota masyarakat. Budaya tidak boleh dianggap sebagai budaya jika hanya seorang sahaja yang mengamalkannya.

3. Diwarisi

Kebudayaan itu juga adalah diwarisi dari generasi terdahulu kepada generasi terkini. Ia berlaku secara berterusan bukan sahaja di kalangan generasi malah dari zaman ke zaman berikutnya. Tetapi apa yang berbeza adalah dari segi kaedah pewarisan yang mana telah berlaku pengubahsuaian mengikut keadaan semasa, sebagai contoh, kaedah menulis. Generasi dahulu menulis menggunakan papan batu yang sangat ringkas tetapi generasi sekarang menggunakan komputer. Matlamatnya adalah sama untuk menulis tetapi medium yang digunakan adalah berbeza mengikut perkembangan teknologi.

#### 4. Berubah

Budaya sentiasa mengalami perubahan. Perubahan ini berlaku adalah disebabkan perkembangan manusia itu sendiri yang bersifat dinamik. Perubahan budaya boleh berlaku secara langsung atau tidak langsung dan disedari atau tidak disedari. Budaya boleh berubah disebabkan oleh faktor-faktor seperti pertambahan anggota masyarakat, keinginan dan keperluan manusia, terhasilnya teknologi baru, penyerapan budaya lain, perubahan alam sekitar dan konflik yang berlaku dalam masyarakat. Pada umumnya, perubahan lebih senang berlaku ke atas budaya material berbanding budaya bukan material.

#### 5. Sejagat

Semua masyarakat di dunia mempunyai budaya oleh itu menjadikan budaya itu bersifat sejagat atau universal. Namun begitu, budaya yang dimiliki itu adalah berbeza-beza. Ia disebabkan oleh faktor alam semula jadi, tahap penyesuaian anggota masyarakat dan pengaruh luar yang pernah meresap dalam budaya berkenaan. Sebagai contoh setiap masyarakat di dunia mempunyai bahasa yang tersendiri. Seperti yang dinyatakan oleh Clyde Kluckhohn (1952) dalam karyanya *Universal Categories of Culture* terdapat tujuh unsur yang terdapat di dalam semua kebudayaan iaitu peralatan, kelengkapan hidup manusia, mata pencarian hidup, sistem sosial, bahasa, kesenian dan pengetahuan.

#### 6. Simbolik

Simbolik dalam budaya boleh difahami oleh pendokong kepada sesuatu unsur budaya tersebut. Sebagai contoh ialah keris yang sangat bernilai dalam masyarakat Melayu yang melambangkan kekuatan dan kepahlawanan dan diletakkan di satu tahap yang tinggi. Tetapi dalam masyarakat lain, keris hanyalah sebagai salah satu senjata yang boleh digunakan untuk mempertahankan diri dan tidak membawa maksud yang lain.



## 7. Sistem perlambangan

Sistem perlambangan dalam kebudayaan boleh memberi pengertian tertentu kepada anggotanya, difahami dan dihormati oleh anggota masyarakat yang mendokong budaya tersebut. Sistem perlambangan dibahagikan kepada lambang (simbol) dan isyarat. Lambang perlu dihormati sementara isyarat perlu dipatuhi. Lambang bersifat arbitrari dan mempunyai makna tertentu mengikut kelompok masyarakat. Contohnya bendera Jalur Gemilang adalah signifikan kepada masyarakat Malaysia. Isyarat pula merupakan objek dan perlakuan dalam budaya yang memberikan arahan tertentu seperti menggamitkan tangan membawa maksud mengarahkan seseorang untuk datang ke arahnya.

## 8. Berpola dan Berstruktur

Terdapat pola dan struktur dalam kebudayaan yang bermaksud kebudayaan itu mempunyai corak dan susunan yang tersendiri. Dalam sesebuah masyarakat terdapat pelbagai struktur seperti sistem kekeluargaan, sistem pemerintahan, sistem perundangan dan sebagainya. Setiap sistem mengandungi polanya tersendiri. Sebagai contoh sistem kekeluargaan dalam masyarakat Melayu terdiri daripada adat Temenggung yang bernasab bapa dan adat Perpatih pula bernasab ibu.

## 9. Pandangan dunia (World view)

Kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan dengan alam semula jadi. Oleh itu ia mendorong manusia untuk memberikan tafsiran terhadap alam sekeliling ke dalam kehidupan seharian mereka. Contohnya dalam masyarakat Melayu, untuk menggambarkan sesuatu yang tinggi ia seringkali dikaitkan dengan gunung; seperti “cita-citanya tinggi menggunung”, sementara untuk menunjukkan kesungguhan seperti “gunung yang tinggi akan didaki” dan sebagainya. Bagi masyarakat Cina, mereka juga mempunyai pandangan dunia seperti

untuk menggambarkan daya usaha, ia dikaitkan dengan “jika hendak mencabut lalang, biar sampai ke akarnya”.

## **RAS**

Ras adalah merujuk kepada sekumpulan manusia yang memiliki ciri-ciri fizikal yang diwarisi secara genetik. Terdapat tiga ras yang dominan iaitu Caucasian (kulit putih), Negroid (kulit hitam) dan Mongoloid (kulit kuning). Warna kulit merupakan ciri utama bagi menentukan ras seseorang. Rupa bentuk fizikal seperti rambut, paras wajah, bentuk kepala dan kumpulan darah juga digunakan untuk menentukan ras. Walau bagaimanapun hasil daripada evolusi manusia telah menyebabkan wujudnya pertindihan sebahagian kriteria antara ras. Oleh itu sangat sukar untuk membuat perbezaan yang tepat. Sebagai contoh, kumpulan Polynesian memiliki rupa paras yang mengelirukan. Mitos ras ini telah digunakan bagi menentukan perasaan keagungan sesebuah kumpulan ras.

## **ETNIK**

Ahli sosiologi merujuk etnik sebagai satu kelompok manusia yang mempunyai ikatan kebudayaan yang banyak persamaan seperti persamaan agama, ras, mahupun asal usulnya. Kumpulan etnik yang sama berkongsi adat, bahasa, pakaian tradisional, makanan dan mempunyai hubungan sosial sesama mereka. Perkongsian nilai telah menghasilkan identiti etnik tertentu yang secara tidak langsung membahagikan masyarakat dengan kumpulan etnik yang berbeza. Etnik juga didefinisikan sebagai:

“An ethnic group is defined as a collectivity within a larger society having real or putative common ancestry, memories of a shared historical past, and cultural focus on one or more symbolic elements defined as the epitome of their peoplehood. Examples of such symbolic elements are: kinship patterns, physical contiguity, religious affiliation, language or dialect

forms, tribal affiliation, nationality, or any combination of these.” (Schermerhorn, R. 1996:17)

## **ETNISITI**

Etnisiti merujuk kepada gabungan pelbagai sifat dan komponen yang kebiasaannya dimiliki oleh kumpulan etnik (Smelser, 1988). Etnisiti merangkumi perkongsian kepercayaan, norma, nilai, keutamaan di dalam kumpulan, ketaatan dan menyenangi kelompoknya sendiri.

## **ETNOSENTRISME**

Satu tanggapan bahawa kumpulannya adalah yang terbaik berbanding dengan kumpulan yang lain. Ini mengakibatkan kegagalan untuk menerima pandangan orang daripada kumpulan lain. Contohnya seperti dalam sistem kasta, golongan Brahmin menganggap diri mereka adalah suci dan mulia. Oleh itu mereka tidak boleh bergaul dengan kasta lain, sebagai contoh, individu yang datang daripada kasta Sudra.

## **JARAK SOSIAL**

Jarak sosial merujuk kepada pengasingan secara fizikal atau emosi antara individu yang mempunyai perbezaan tanggapan. Jarak sosial boleh wujud akibat sikap negatif terhadap kelompok lain. Kewujudan jarak sosial disebabkan oleh ketiadaan interaksi sosial di antara kelompok kerana perbezaan tempat tinggal, pekerjaan, bahasa, agama, adat resam dan perbezaan etnik.

## **INTEGRASI**


Integrasi ialah penyatuan antara kelompok yang berbeza tetapi hidup di bawah sistem pemerintahan yang sama. Setiap kelompok hidup bersama secara aman tanpa mengira latar belakang dan bebas mengamalkan budaya masing-masing. Integrasi boleh berlaku melalui proses akomodasi, akulturasi dan asimilasi.

## **AKOMODASI**


Akomodasi merupakan satu proses yang memerlukan kerjasama dua atau lebih pihak yang mempunyai matlamat yang berbeza untuk membentuk satu matlamat yang dapat memuaskan hati kedua-dua pihak tersebut. Dalam perkataan lain, akomodasi juga dikenali sebagai situasi menang-menang (win-win situation) di mana kedua-dua pihak yang bertentangan pendapat atau matlamat akan memperoleh faedah daripada satu matlamat baru yang telah dibina secara bersama dan kolektif. Sebagai contoh, di Malaysia, meskipun bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan, namun demikian bahasa-bahasa lain masih boleh digunapakai selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip perlembagaan.

## **ASIMILASI**

Asimilasi merujuk kepada satu proses penggabungan kebudayaan masyarakat yang berbeza-beza untuk membentuk satu kebudayaan serta identiti masyarakat yang baru. Asimilasi boleh mendatangkan dua jenis kesan yang berbeza. Pertama, kelompok masyarakat yang diasimilasikan akan berubah menjadi satu kelompok yang baru dengan menghilangkan kebudayaan serta identiti asalnya. Kedua, kelompok yang diasimilasikan akan mengamalkan kebudayaan baru yang dicipta hasil daripada percantuman budaya antara kelompok dengan kebudayaan asalnya. Proses asimilasi boleh berlaku apabila golongan minoriti bersedia untuk menyerap budaya golongan majoriti dan golongan majoriti bersedia menerima golongan minoriti tersebut. Proses ini ialah asimilasi sehalu (lihat rajah 3). Asimilasi dua hala pula ialah apabila kedua-dua kumpulan menerima sebahagian kebudayaan antara satu dengan lain (lihat rajah 4).



Rajah 3: Asimilasi Sehala



Rajah 4: Asimilasi Dua Hala

## AKULTURASI

Akulturasasi boleh didefinisikan sebagai proses penerimaan unsur budaya dari satu kelompok kepada satu kelompok yang lain. Tahap penerimaan sesebuah masyarakat adalah bergantung kepada sejauh mana kebudayaan asing tersebut mampu memberikan kelebihan dan manfaat kepada kelompok tersebut. Penerimaan adalah dalam bentuk unsur budaya yang positif sebagai contoh, pemakaian tali leher telah diterima oleh semua masyarakat dunia. Walau bagaimanapun penyerapan nilai negatif ada juga berlaku dan selalunya ditolak oleh masyarakat umum dan hanya diamalkan oleh segelintir ahli masyarakat seperti pengaruh *black metal* di kalangan anak muda. Isu penolakan atau keengganan tersebut timbul ekoran wujudnya perasaan bahawa kebudayaan asing akan menghancurkan serta merosakkan kebudayaan asal mereka.

## **DISKRIMINASI**

Diskriminasi merupakan sikap pilih kasih sesebuah kelompok terhadap satu kelompok yang lain yang dirasakan tidak setaraf dengannya. Diskriminasi merupakan perbuatan yang dizahirkan melalui perasaan yang telah dicipta iaitu memandang rendah terhadap standard kebudayaan kelompok lain. Sebagai contoh, krisis yang wujud di Barat yang memandang orang kulit hitam sebagai golongan masyarakat yang hina. Diskriminasi yang wujud itu dicipta oleh orang kulit putih untuk menghalang orang kulit hitam menjawat jawatan tertinggi dalam sesebuah organisasi.

## **PRASANGKA**

Prasangka merupakan kesimpulan yang dibuat berdasarkan perasaan dalaman individu terhadap individu lain atau antara kelompok dengan kelompok lain yang tidak berdasarkan sebarang bukti atau maklumat yang lengkap dan betul. Prasangka lazimnya timbul apabila wujudnya khabar angin yang bersifat negatif dalam sesebuah masyarakat terhadap kelompok lain. Prasangka akan menyumbang kepada kesan yang negatif yang mengancam hubungan dan keharmonian sesebuah kelompok masyarakat. Kewujudan prasangka adalah disebabkan kurangnya interaksi serta keengganan menerima dan memahami budaya orang lain.

## **STEREOTAIP**

Stereotaip merupakan satu fahaman sesebuah kelompok dengan mengeneralisasikan kelompok yang lain berdasarkan sikap, perbuatan serta fahaman seseorang individu daripada kelompok tersebut. Sebagai contoh, dalam kajian Gallup yang dibuat terhadap 1,007 responden yang terdiri daripada orang dewasa Amerika mendapati mereka enggan berjiran dengan orang Islam. Ini kerana mereka berpendapat orang Islam bersifat ekstremis (Utusan Malaysia, 13 Ogos 2006).

## **KESIMPULAN**

Kefahaman tentang istilah dan konsep sosiologi membolehkan kita mendalami bidang ilmu hubungan etnik secara ilmiah dan mendalam. Secara tidak langsung, pemahaman ini menimbulkan suatu kesedaran baru untuk memupuk keharmonian dalam kehidupan dan seterusnya menyumbang kepada perpaduan dan integrasi nasional. Yang lebih penting, dengan memahami perkara-perkara tersebut secara ilmiah, kita dapat merealisasikan dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian dengan memupuk nilai-nilai murni dan mengelakkan tingkah laku negatif. Oleh yang demikian, sifat-sifat ini akan menghasilkan sikap rakyat yang lebih memahami terhadap budaya masyarakat lain ke arah pembinaan generasi bangsa Malaysia yang bersatu padu.